

BN - ANALISIS

(I)

KUALA LUMPUR, 17 OGOS (BERNAMA) -- MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BARISAN NASIONAL (BN) HARI INI MENCATATKAN SEJARAH APABILA BERJAYA MENGGELAKKAN SATU KRISIS POLITIK YANG RUMIT.

MENURUT SEORANG PEMIMPIN BN, PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT SENTIASA +TENANG, PENUH TANGGUNGJAWAB DAN BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MENGEKALKAN KEHARMONIAN NASIONAL+.

BELIAU BEGITU TELITI MEMASTIKAN PERWAKILAN MASYARAKAT CINA DALAM KERAJAAN TIDAK TERJEJAS DISEBABKAN OLEH PERTELINGKAHAN DI KALANGAN PUK-PUK TERTENTU DALAM MCA YANG MERUPAKAN PARTI KOMPONAN KEDUA TERBESAR DALAM BN.

SEBELUM INI, KHABAR-KAHBAR ANGIN BERTIUP KENCANG YANG MENYATAKAN KEMUNGKINAN MCA TERPAKSA DIKELUARKAN SEMENTARA DARIPADA BN EKORAN KRISIS YANG BERLARUTAN SELAMA 18 BULAN.

BERNAMA MENEMURAMAH PELBAGAI SUMBER UNTUK MENGETAHUI PERKEMBANGAN YANG BERLAKU DALAM MESYUARAT BERSEJARAH SELAMA DUA SETENGAH JAM ITU. -- LAGI

1606MST 17 08 85

BN - ANALISIS 2 KUALA LUMPUR

(I)

BERIKUT IALAH URUTAN PERISTIWA-PERISTIWA YANG BERLAKU DI BILIK PERSIDANGAN BN DI IBU PEJABAT BN DI JALAN TUANKU ABDUL RAHMAN:

+ 10.14 PAGI -- MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI BN BERMULA TANPA PERWAKILAN MCA.

+ DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN KEPADA MESYUARAT MENGENAI KEADAAN KESULITAN POLITIK DAN USAHA-USAHA YANG DIJALANKAN UNTUK MENGATASI MASALAH ITU.

+ MESYUARAT ITU TELAH DIBERITAHU BAHAWA KESTABILAN DALAM MCA ADALAH PENTING.

+ SEMENTARA ITU, PERTANYAAN DIKEMUKAKAN UNTUK MENGETAHUI SAMA ADA MCA AKAN MENGHADIRI MESYUARAT. -- LAGI.

1608MST 17 08 85

BN - ANALISIS 3 KUALA LUMPUR

(I)

+ MESYUARAT ITU DIBERITAHU OLEH SEORANG PEGAWAI BAHAWA +MEREKA+ AKAN DATANG DAN KETIKA ITU SEDANG BERMESYUARAT.

+ 10.40 PAGI -- DATUK DR. NEO YEE PAN DAN DATUK MAK HON KAM MASUK KE BILIK PERSIDANGAN.

+ KEDENGARAN BISIKAN APABILA NEO DAN MAK MENGAMBIL TEMPAT DUDUK MEREKA.

+ PM MEMBERITAHU MEREKA BAHAWA MESYUARAT ITU BERJALAN SEKIAN LAMA DAN MENERANGKAN KEPADA MEREKA APA YANG TERHASIL.

+ MAK YANG PERTAMA BERCAKAP. BELIAU MEMBERITAHU MESYUARAT ITU MEMANG MERUPAKAN SATU PERKARA YANG BIASA BAGI PARTI POLITIK MENGHADAPI MASALAH DAN SEDIH KERANA MASALAH MCA BERLARUTAN SEKIAN LAMA. -- LAGI.

1609MST 17 08 85

D216

U 8096 AAB

BN - ANALISIS 4 KUALA LUMPUR

(I)

MAK MEMBERITAHU MESYUARAT BAHAWA BELIAU MEMERLUKAN TIGA BULAN UNTUK MENYELESAIKAN PERKARA ITU SELAKU PEMANGKU PRESIDEN, DAN AKAN MENDAPATKAN KERJASAMA SEMUA PIHAK DALAM USAHA ITU.

JIKA INI TIDAK DAPAT DILAKUKAN DALAM TEMPOH ITU, MCA SENDIRI AKAN KELUAR DARIPADA BN BUAT SEMENTARA WAKTU UNTUK Mencari penyelesaian seterusnya.

+ PEMIMPIN KOMPONEN MENYOAL MAK MENGENAI IKRAR INI.

+ NEO TETAP MEMINTA MEREKA DIANGGAP SEBAGAI WAKIL MCA PADA MESYUARAT ITU. MAK DIPERCAYAI AKHIRNYA BERSETUJU MEREKA DITERIMA SEBAGAI WAKIL MCA.

11 PAGI -- + WAKIL MCA MENINGGALKAN BILIK MESYUARAT BAGI MEMBOLEHKAN MESYUARAT MEMBINCANGKAN PERKARA ITU DENGAN BEBAS. (BEBERAPA ORANG PEMIMPIN BN BERPENDAPAT TIDAKLAH ENAK MEREKA MEMBINCANGKAN SOAL YANG MENGENAI MEREKA (NEO DAN MAK) SEMASA KEHADIRAN MEREKA.

+ PARTI-PARTI KOMPONEN BN DAPAT BERBINCANG DENGAN BEBAS. -- LAGI.

1611MST 17 08 85

BN - ANALISIS 5 KUALA LUMPUR

(I)

+ SEORANG PEMIMPIN BN MEMBERITAHU MESYUARAT BAHAWA PUAK TAN KOON SWAN AKAN MEMBERIKAN KERJASAMA UNTUK MENYELESAIKAN KRISIS PARTI ITU DALAM TEMPOH TIGA BULAN.

+ WAKIL-WAKIL MCA DATANG KEMBALI SELEPAS KIRA-KIRA 30 MINIT.

+ MCA DIBERITAHU BAHAWA IA MESTI MENYELESAIKAN KRISIS PARTI DALAM MASA TIGA BULAN SEBAGAIMANA YANG DIMINTA. - BERNAMA.

1614MST 17 08 85